

Lahirkan lebih banyak Melayu berjaya — PM

Um - 23/6/2004 : 2

SHAH ALAM 22 Jun — Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, kejayaan Malaysia sebagai negara maju pada tahun 2020 akan menjadi tidak bermakna jika kaum Melayu dan bumiputera lain tidak berada pada posisi kejayaan yang membanggakan.

Menurut Perdana Menteri, untuk melahirkan lebih banyak orang Melayu yang berjaya, para pendidik perlu memikul tanggungjawab mereka untuk mendidik kaum itu agar menjadi yang terbaik.

“Lonjakan yang terbaik mesti dilaksanakan dalam usaha untuk melakukan langkah yang besar ke hadapan bagi mencapai matlamat tersebut,” tegasnya di hadapan lebih 10,000 hadirin pada Majlis Sambutan Rasmi Wira Negara Everest 2004 di

Stadium Universiti Teknologi Mara (UiTM) di sini malam ini.

Hadir sama ialah Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Shafie Salleh; Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina Othman Said; Menteri Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Aziz Shamsuddin; dan Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Dr. Mohamad Khir Toyo.

Cabaran

Majlis berkenaan diadakan bagi meraikan dua pendaki muda negara, Muhammad Muqharabbin Mokhtaruddin, 22, dan Ahmad Reduan Rozali, 22, yang berjaya menawan puncak Gunung Everest pada 16 Mei lalu pada pukul 8.35 pagi waktu Nepal (10.50 pagi waktu Malaysia).

Muhammad Muqharabbin dan Ahmad Reduan, masing-

masing adalah pelajar tahun akhir Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi serta Sains Pemakanan di UiTM.

Ia merupakan kejayaan kali kedua rakyat Malaysia selepas kejayaan yang dicipta oleh M. Magendren dan M. Mohandas pada tahun 1997.

Kedua-dua pelajar UiTM itu menyertai pendakian tersebut melalui cabaran ekspedisi ‘Demi Negara ke Everest 2004’ turut mencatat sejarah sebagai pelajar universiti pertama di Asia menjejakkan kaki ke puncak gunung tersebut.

Perdana Menteri berkata, beliau mahu semua pelajar institusi pengajian tinggi diberi asuhan dan pengetahuan yang akhirnya membolehkan mereka menguasai bidang-bidang utama di negara ini.

Kata beliau, menjadi mahasiswa yang berkemampuan turut memerlukan usaha yang berseungguh-sungguh sehingga menjadi manusia yang ‘luar biasa’.

“Semua pihak mesti berusaha berseungguh-sungguh dan bekerjasama untuk memainkan peranan bagi mencapai matlamat tersebut,” katanya.

Beliau juga menggesa UiTM sebagai institusi pengajian tinggi yang diberi peranan mendidik orang Melayu, terus memainkan peranan untuk mengangkat martabat kaum itu di negara ini.

“Kejayaan dua anak muda, Muhammad Muqharabbin Mokhtaruddin dan Ahmad Reduan Rozali menjadi contoh bahawa anak Melayu mampu berjaya jika mempunyai keyakinan dan berdisiplin tinggi,” tegasnya.